

12 JUN 2001

Mahathir-Nuklear

TIADA TENAGA NUKLEAR BAGI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi yang Malaysia tidak akan menggunakan tenaga nuklear dan berharap negara-negara lain di dunia juga tidak lagi membina loji-loji janakuasa nuklear.

"Kuasa nuklear, bagaikan jin berniat jahat yang apabila terlepas daripada botol tidak boleh dijinakkan atau dimasukkan kembali ke dalam botol. Saya tidak begitu percaya sangat dengan tenaga nuklear," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata pengetahuan dunia dan kepakaran dalam kejuruteraan nuklear masih di tahap primitif dengan berlaku banyak kemalangan membabitkan loji-loji nuklear.

"Tenaga yang dibebaskan daripada cantuman nuklear agak sukar untuk dikawal. Kita cuba mengawalnya dalam lapisan demi lapisan simen dan bahan lain tetapi malapetaka di Chernobyl, Russia menunjukkan kesannya masih ada di luar dan tersebar ke kawasan yang luas," kata beliau dalam ucapannya di Persidangan Minyak dan Gas Asia 2001, di sini, hari ini.

Beliau berkata, dunia tidak tahu sebesar mana dan sejauh mana kemusnahan yang boleh berlaku akibat kemalangan yang berlaku semasa penggunaan tenaga nuklear.

"Dan kita lihat kapal selam nuklear yang terbabit dalam kemalangan dan tenggelam".

"Kita juga tidak tahu sama ada mereka yang memiliki senjata nuklear mampu mematikan, menghentikan atau menjadikan senjata itu tidak berbahaya," kata beliau lagi.

Beliau berkata, Malaysia di sebaliknya lebih suka dengan penggunaan hidrogen dan sel bahan api.

"Ini menjanjikan potensi besar dan kerajaan-kerajaan serta sektor swasta mesti mengadakan lebih banyak peruntukan serta tenaga manusia untuk memperbaiki lagi enjin hidrogen dan kecekapan sel bahan api," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR ZS PR